



**LAPORAN TAHUNAN**  
JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH

**2010**





JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH  
ARAS 7, KOMPLEKS D, BLOK D6  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
PETI SURAT 6000  
62007 PUTRAJAYA

Tel : 603-8886 7018  
Faks : 603-8888 9568

Yang Amat Berhormat  
Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak  
Perdana Menteri Malaysia  
Pejabat Perdana Menteri  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62512 **PUTRAJAYA**

Yang Amat Berhormat,

#### **Laporan Tahunan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah 2010**

Selaras dengan peruntukan seksyen 14(5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah dengan ini mengemukakan laporan tahunan mengenai penunaian fungsi Jawatankuasa Khas ini kepada Yang Amat Berhormat untuk dibentangkan di setiap Majlis Parlimen.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad  
Pengerusi  
Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah

Tarikh : 14 November 2011

# LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA KHAS MENGENAI RASUAH 2010

## 1. LATARBELAKANG

### 1.1 Pengenalan

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) dibentuk melalui seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Jawatankuasa Khas ini dianggotai oleh tujuh (7) orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan terdiri dari kalangan Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Pelantikan Ahli-Ahli JKMR ini adalah untuk tempoh tiga (3) tahun berkuat kuasa mulai 25 Februari 2009 hingga 24 Februari 2012. Keanggotaan JKMR adalah seperti berikut:

Y.B. Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Pengerusi)	– Ahli Dewan Rakyat
Y.B. Dr Tan Seng Giaw	– Ahli Dewan Rakyat
Y.B. Sen. Dato' Armani binti Hj. Mahirudin	– Ahli Dewan Rakyat
Y.B. Dato' Hj. Abdul Rahman bin Dahlan	– Ahli Dewan Rakyat
Y.B. Tuan Salahuddin bin Hj. Ayub	– Ahli Dewan Negara
Y.B. Sen. Ir. Hj. Zamri bin Hj. Yusuf	– Ahli Dewan Negara (sehingga 19 Mei 2011)
Y.B. Dato' Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib	– Ahli Dewan Rakyat (mulai 29 April 2010)

Ini merupakan tahun kedua Laporan JKMR dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri untuk dibentangkan satu salinan laporan di hadapan setiap Majlis Parlimen. Pihak SPRM telah, dalam menunaikan fungsinya, menyerahkan Laporan Tahunan SPRM 2010 bersama Ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) kepada JKMR pada 28 April 2011. Pada 16 Mei 2011, pihak SPRM yang diketuai oleh Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah menghadiri satu sesi bersama Ahli-ahli JKMR untuk memberikan penjelasan dan penerangan terhadap isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Tahunan SPRM 2010. Maklum balas SPRM terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli JKMR adalah seperti di Lampiran A.



Penyerahan Laporan Tahunan SPRM 2010 dan Ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) 2010 oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah pada 28 April 2011 di Parlimen.

Seterusnya, pada 26 Mei 2011, Ahli-ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) yang diketuai oleh Pengerusinya iaitu Puan Sri Zaitun Zawiyah binti Puteh, turut dipanggil untuk memberi penjelasan berkenaan Ulasan LPPR 2010. Ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 14(d) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Perbincangan di antara JKMR dan LPPR ini telah memberikan peluang kepada kedua-dua entiti pemantau utama SPRM untuk berbincang dan berkongsi pandangan dalam usaha untuk membanteras jenayah rasuah di negara ini.

Laporan Tahunan SPRM 2010 telah menunjukkan peningkatan positif berbanding tahun sebelumnya walaupun SPRM menghadapi pelbagai rintangan, cabaran serta kekangan dari segi keanggotaan dan peruntukan. Peningkatan ini dapat dilihat melalui jumlah tangkapan dan pelaksanaan operasi-operasi bersindiket yang dilaksanakan sepanjang tahun seperti kes pasir, balak, diesel dan operasi-operasi lain. Peningkatan juga dapat dilihat daripada peratusan sabitan kes-kes pendakwaan. Ini menunjukkan bahawa SPRM di bawah teraju Dato' Sri Haji Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM yang telah dilantik pada 1 Januari 2010 berada di landasan yang tepat dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di negara ini.



Sesi Penjelasan Ahli-Ahli LPPR kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) pada 25 Mei 2011 di Parlimen.

## 1.2 FUNGSI DAN BIDANG KUASA

Fungsi dan bidang kuasa JKMR diperuntukkan di bawah seksyen 14(a) hingga 14(d) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) seperti berikut:

- a. Untuk menasihati Perdana Menteri mengenai apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- b. Untuk memeriksa laporan tahunan Suruhanjaya;
- c. Untuk memeriksa ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah tentang penjalanan oleh Suruhanjaya akan fungsinya di bawah Akta ini; dan
- d. Untuk mendapatkan penjelasan dan penerangan mengenai laporan tahunan Suruhanjaya dan ulasan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah.

Selaras dengan peruntukan seksyen 14(5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2010 (Akta 694), JKMR juga bertanggungjawab untuk menyediakan laporan tahunan mengenai penunaian fungsinya kepada Perdana Menteri yang akan kemudiannya membentangkan suatu salinan laporan tahunan tersebut di hadapan setiap Majlis Parlimen.



## **2. ULASAN**

### **2.1 KEBEBASAN SPRM**

- 2.1.1. Kebebasan SPRM merupakan isu paling penting yang harus diberikan perhatian serius oleh pihak Kerajaan. Takrifan kebebasan perlulah lebih meluas yang mencakupi konteks kuasa dalam tindakan yang berbentuk operasi dan juga pentadbiran.
- 2.1.2. Persepsi yang mengatakan SPRM sebagai sebuah agensi yang tidak bebas dan dikongkong tindakannya tidak akan mampu ditangkis hanya dengan penubuhan lima (5) jawatankuasa pemantau yang diwujudkan. Ini kerana struktur SPRM yang masih diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). SPRM seharusnya berperanan dan bergerak sebagai satu agensi yang benar-benar bebas dan profesional dalam semua tindakannya bagi memastikan usaha pembanterasannya dilaksanakan secara lebih berkesan.
- 2.1.3. JKMR juga berharap agar Panel Penilaian Operasi (PPO), antara entiti pemantau bebas SPRM yang lain, memainkan peranan yang lebih penting dan komprehensif dalam memastikan bahawa siasatan SPRM dipantau secara telus oleh ahli-ahlinya yang terdiri dari golongan-golongan profesional yang mewakili masyarakat. Peranan yang sama juga perlu dimainkan oleh Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) yang berfungsi dalam menasihati SPRM terutama sekali di dalam aspek pendidikan dan pencegahan rasuah. PPPR juga seharusnya mempergiatkan usaha untuk memberikan kefahaman dan penjelasan kepada masyarakat akan pentingnya peranan mereka dalam membantu SPRM dalam usaha mencegah dan memerangi rasuah. Ini secara langsung dapat memperluaskan penglibatan masyarakat dalam usaha mencegah rasuah dan tidak meletakkan tanggungjawab memerangi rasuah di atas SPRM seolah-olah jenayah tersebut adalah tugas mutlak untuk SPRM membantasnya. Memerangi rasuah adalah tanggungjawab bersama bagi memastikan usaha memerangi rasuah dilaksanakan dengan lebih berkesan.

### **2.2 KUASA PENDAKWAAN**

Walaupun JKMR melalui Laporan Tahunan JKMR 2009 yang diserahkan secara rasmi kepada YAB Perdana Menteri pada 9 Julai 2010 telah mencadangkan supaya SPRM diberikan kuasa pendakwaan, namun JKMR mendapati tiada maklum balas secara rasmi dari Kerajaan berkaitan isu ini. JKMR memandang berat akan isu ini memandangkan ia merupakan satu keperluan kepada SPRM untuk menyiasat dan mendakwa secara bebas dan profesional tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Oleh itu, dengan penuh rasa hormat, JKMR memohon supaya YAB Perdana Menteri memberikan maklum balas rasmi berkaitan isu ini.

## 2.3 PENEMPATAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA BERPENGALAMAN

- 2.3.1. Sememangnya diketahui umum bahawa kes-kes rasuah merupakan antara kes-kes yang boleh diklasifikasikan sebagai jenayah yang rumit dan kompleks. Ini kerana jenayah rasuah bersifat merentasi sempadan negara dan berhubung kait dengan jenayah-jenayah lain seperti jenayah bersindiket, ekonomi, kewangan, keganasan, penggubahan wang haram, penyeludupan manusia serta dibantu perkembangan pesat teknologi maklumat. Kesukaran untuk melaksanakan proses siasatan dan pendakwaan dalam sesuatu kes akan wujud lebih-lebih lagi apabila terdapat jurang perbezaan di antara sistem perundangan dan pentadbiran di sesuatu negara.
- 2.3.2. Pentafsiran terhadap sesuatu perlakuan rasuah sama ada dalam konteks undang-undang mahupun moral sering kali menyebabkan kekeliruan pada sesetengah masyarakat. Contohnya, walaupun masyarakat menganggap sesuatu perbuatan itu berupa rasuah pada moralnya namun sekiranya perbuatan berkenaan jika tidak menyalahi peruntukan undang-undang yang ditetapkan, maka tidak ada kesalahan jenayah yang berlaku.
- 2.3.3. Kebanyakan kes-kes yang disiasat dan dituduh oleh pihak SPRM secara menyeluruh adalah terdiri daripada kalangan individu yang mempunyai kedudukan atau berprofil tinggi. Terdapat juga di kalangan mereka ini yang berpengetahuan dalam cara-cara untuk mengelakkan diri daripada dikenakan tindakan undang-undang atau yang sentiasa diwakili oleh barisan peguam yang ternama dan berpengalaman luas. Oleh itu, JKMR berpandangan bahawa pendakwaan kes-kes rasuah terutamanya kes-kes yang berprofil tinggi atau yang berkepentingan awam seharusnya diwakili oleh beberapa Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Kanan yang berpengalaman untuk berhadapan dengan barisan peguam yang kebiasaannya berpengalaman.
- 2.3.4. JKMR juga berpandangan bahawa pihak Kerajaan perlu memberikan perhatian yang lebih serius kepada keperluan SPRM dalam mendapatkan barisan TPR yang berkemahiran dan berpengalaman untuk mewakili SPRM dalam pendakwaan kes-kes rasuahnya di mahkamah terutama sekali yang melibatkan individu berprofil tinggi atau yang berkepentingan awam. Walaupun pelaksanaan cadangan ini mungkin melibatkan kos kepada pihak Kerajaan, namun ia amat perlu untuk memastikan kes-kes sedemikian yang didakwa memperoleh kejayaan dan sekali gus dapat meningkatkan imej dan keyakinan rakyat terhadap SPRM.
- 2.3.5. JKMR menyambut baik tindakan-tindakan dan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam mewujudkan Mahkamah Khas Rasuah bagi mempercepatkan perbicaraan kes-kes rasuah. JKMR juga menyarankan supaya pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Khas Rasuah hendaklah terdiri daripada individu yang berintegriti tinggi dan berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes rasuah.

## 2.4 PRESTASI KES PENDAKWAAN

Bilangan kes yang berjaya disabitkan di Mahkamah Rendah telah menunjukkan peningkatan daripada 54% pada tahun 2009 kepada 71% pada tahun 2010. Ini menunjukkan terdapat peningkatan pada kadar sabitan kes rasuah yang didakwa. Cadangan menempatkan beberapa TPR yang lebih berpengalaman akan membantu meningkatkan kadar sabitan kes rasuah di mahkamah, sekaligus menjadi penunjuk terhadap keberkesanan SPRM dalam mencegah jenayah rasuah.

## 2.5 DANA POLITIK

- 2.5.1. JKMR bersetuju dengan cadangan SPRM dan LPPR untuk mengkaji sumbangan dana politik supaya sumbangan dana kepada parti politik hendaklah dimasukkan terus ke dalam akaun parti tersebut dan bukannya ke dalam akaun persendirian mana-mana pemegang amanah. Ini adalah bagi menjamin ketelusan terhadap mana-mana parti atau/dan individu. Sesetengah masyarakat menilai sesebuah parti politik berdasarkan persepsi yang tidak baik semata-mata kerana parti berkenaan dilibatkan dengan sumbangan dana politik. Dalam hal ini, adalah penting bagi sesebuah parti politik untuk sentiasa membina persepsi positif di kalangan masyarakat. Antara cara terbaik untuk mencapai matlamat tersebut adalah dengan mengisytiharkan apa jua punca kewangan sesebuah parti politik dan akaun parti/pertubuhan politik tersebut juga hendaklah boleh di audit dengan juruaudit bertauliah pada setiap tahun kewangan berakhir atau pada bila-bila masa bagi tujuan pemantauan oleh pihak berkuasa. Pelaksanaan pengisytiharan sedemikian secara langsung akan mengelakkan seseorang ahli politik yang disiasat menerima rasuah daripada menjadikan alasan bahawa duit yang diterima dan dimasukkan dalam akaun persendirian merupakan sumbangan untuk dana parti politik sedangkan tiada sebarang butiran atau dokumentasi yang sewajarnya dikemukakan.
- 2.5.2. Mana-mana parti politik adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan di bawah pemantauan Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Seksyen 14(1)(db) Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) juga menjelaskan bahawa apa-apa wang atau harta atau faedah termasuklah keuntungan pekuniari yang diterima daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau sesuatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan di luar Malaysia perlulah diisytiharkan dalam penyata tahunan tersebut.
- 2.5.3. Oleh yang demikian, JKMR bersetuju supaya segala sumbangan dana politik berbentuk harta dan wang kepada parti atau pertubuhan politik hendaklah direkodkan dan diakaun dengan teratur dan terurus. Akaun penerimaan berhubung sesuatu sumbangan juga hendaklah dikeluarkan dan direkodkan. Bagi dana politik yang ingin diberikan terus kepada individu dalam parti tertentu, ia hendaklah mendapat kelulusan bertulis dari Ketua Parti berkenaan dan dana politik berkenaan hendaklah tidak mempunyai kaitan langsung dengan tugas rasmi kedua-dua individu yang menerima dan yang menderma dana politik berkenaan.



2.5.4. Dengan melaksanakan langkah-langkah yang dicadangkan ini, selain dapat membantu siasatan SPRM, ia juga diharapkan dapat meningkatkan keyakinan masyarakat melalui ketelusan dan integriti yang ditunjukkan oleh individu-individu dan mana-mana parti/pertubuhan politik yang berkenaan.

## 2.6 BAJET DAN PERUNTUKAN KEWANGAN SPRM

2.6.1. Peruntukan kewangan merupakan satu elemen yang sangat penting bagi sesebuah agensi penguatkuasaan undang-undang seperti SPRM untuk memastikan ia dapat beroperasi dengan cekap dan berkesan.

2.6.2. Pada tahun 2011, SPRM hanya telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM202,280,000.00 walaupun secara realitinya telah memohon sebanyak RM306,209,100.00. Namun begitu, peruntukan yang diterima oleh SPRM pada tahun 2011 adalah 21.44% lebih tinggi berbanding pada tahun sebelumnya iaitu RM166,569,000.00.

Butiran lengkap peruntukan SPRM tahun 2011 adalah seperti berikut:

BIL	BUTIRAN	JUMLAH PERUNTUKAN YANG DIPOHON OLEH SPRM (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)	BEZA (BEZA JUMLAH DILULUSKAN & DIPERLUKAN) (%)
1.	EMOLUMEN	109,279,200.00	109,279,200.00	0.00
2.	PERKHIDMATAN & BEKALAN	138,337,400.00	87,627,600.00	(57.87)
3.	ASET	58,359,700.00	5,140,400.00	(1,035.31)
4.	PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	232,800.00	232,800.00	0.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>306,209,100.00</b>	<b>202,280,000.00</b>	<b>(51.38)</b>

2.6.3. Sehubungan dengan itu, JKMR menghargai sokongan yang diberikan oleh pihak Kerajaan walaupun memahami kekangan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan. Namun, JKMR berpendapat bahawa sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang mempunyai tanggungjawab yang berat dan besar dalam memastikan negara ini bebas daripada rasuah, SPRM memerlukan peruntukan yang mencukupi selaras dengan pola jenayah masa kini yang merentasi sempadan dan bersindiket.

- 2.6.4. JKMR juga memohon agar YAB Perdana Menteri sendiri mengkaji secara serius dan memberikan peruntukan yang mencukupi kepada SPRM memandangkan tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya tersebut dalam menumpaskan kegiatan ketirisan dan penyelewengan yang berkemungkinan boleh menjejaskan ekonomi negara.
- 2.6.5. Antara contoh-contoh kejayaan SPRM yang telah membantu ekonomi negara untuk terus membangun dalam menghalang ketirisan daripada berlaku adalah melalui kes yang melibatkan penyelewengan diesel bersubsidi, penyeludupan pasir dan kecurian balak sepertimana yang telah dilaporkan dalam Laporan Tahunan SPRM 2010. Tindakan SPRM lanjutan daripada siasatan-siasatan tersebut telah menyelamatkan wang dan harta negara daripada terus diselewengkan dan dirompak oleh pihak-pihak tertentu. Adalah dianggarkan bahawa kerugian negara akibat perlakuan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, penyeludupan dan perbuatan mencuri pasir telah mencecah sehingga kira-kira RM157.5 juta setahun.
- 2.6.6. Bagi operasi yang melibatkan penyelewengan diesel pula, dianggarkan Kerajaan menanggung kerugian berjumlah RM257 juta bagi tempoh lima (5) tahun atau purata RM50 juta setahun. Operasi yang dijalankan secara bersama oleh SPRM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah berjaya menahan seramai 36 individu dan menyita 458,000 liter diesel yang bernilai lebih setengah juta ringgit.
- 2.6.7. Dalam operasi yang melibatkan pembalakan haram yang dijalankan oleh SPRM pula, adalah dianggarkan bahawa nilai balak-balak yang ditebang secara haram dan yang disita adalah bernilai lebih kurang RM8,950,000.00. Kegiatan pembalakan haram bukan sahaja merugikan Kerajaan dari segi kutipan hasil malah kegiatan pembalakan haram yang dijalankan secara berleluasa tanpa kawalan juga pasti akan memusnahkan habitat dan ekosistem semulajadi negara.
- 2.6.8. SPRM, pada tahun 2011 telah melaksanakan Operasi 3B secara besar-besaran bersama agensi-agensi lain yang antaranya adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Operasi tersebut melibatkan penyelewengan tafsiran cukai oleh pihak-pihak tertentu yang disyaki bersubhat dengan pegawai-pegawai awam sehingga menyebabkan kerugian hasil dianggarkan berjumlah RM3 billion yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan.
- 2.6.9. Selain daripada memastikan kepentingan dan ekonomi negara dipelihara, SPRM juga melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dalam memastikan aspek keselamatan negara sentiasa terjamin dan tidak mudah dicerobohi. Pada tahun 2010, SPRM telah menjalankan operasi siasatan berkaitan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) di pintu-pintu masuk negara yang terdedah kepada ancaman keselamatan yang boleh diklasifikasikan sebagai senang dibolosi. Sepanjang operasi ini, seramai 11 orang Pegawai Jabatan Imigresen Malaysia telah ditangkap di mana sembilan (9) daripada mereka bertugas di Jeti

Penumpang Pulau Ketam dan dua (2) orang lagi di Jeti Port Dickson. Seramai lima (5) orang awam juga telah turut ditangkap melalui operasi yang dijalankan ini.

- 2.6.10. JKMR juga amat menekankan aspek keselamatan bagi saksi, orang tertuduh, orang ramai dan Pegawai SPRM sendiri. Oleh itu, JKMR memohon kepada pihak Kerajaan supaya mempertimbangkan dan meluluskan peruntukan tambahan untuk menambahbaikkan sistem keselamatan di semua bangunan dan pejabat SPRM. Ini termasuklah pemasangan televisyen litar tertutup, jeriji dan sistem keselamatan terkini bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berulang.
- 2.6.11. Latihan dan kursus yang dilaksanakan secara berterusan dan terancang mampu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pegawai SPRM dalam melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik selain dapat meningkatkan prestasi kerja Pegawai-pegawai SPRM. JKMR amat memandang serius keperluan latihan ini dan menggesa supaya peruntukan kewangan untuk latihan dan kursus kepada Pegawai SPRM dipertingkatkan bagi memastikan Pegawai-pegawai SPRM sentiasa kompeten dan mempunyai kemahiran serta kepakaran berterusan. Keperluan latihan ini bertambah ketara dengan pelaksanaan Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) yang mana pelaksanaannya memerlukan kemahiran dan pengetahuan mendalam Pegawai-pegawai SPRM.

## **2.7. KEPERLUAN PERJAWATAN**

- 2.7.1. Pada tahun 2008, jumlah keanggotaan Pegawai BPR iaitu sebelum penubuhan SPRM adalah seramai 1,840 orang. Selepas penubuhan SPRM, iaitu sehingga bulan Julai tahun 2011, keanggotaan Pegawai SPRM adalah 1,805 orang. Jumlah ini tidak termasuk Pegawai guna sama yang berkhidmat di SPRM. Statistik ini menunjukkan bahawa selepas penubuhan SPRM, jumlah keanggotaan tidak menampakkan pertambahan sebaliknya semakin berkurangan dan ini berbeza dengan janji pihak Kerajaan untuk menambahkan keanggotaan SPRM kepada 5,000 orang secara berfasa.
- 2.7.2. Persoalan yang timbul adalah bagaimana, dengan jumlah keanggotaan yang terhad, sesebuah agensi atau suruhanjaya boleh melaksanakan tugas yang agak rumit dan mencabar sedangkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) memberikan kuasa dan tugas yang lebih besar dan meluas berbanding akta sebelumnya iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575) yang diguna pakai sebelum penubuhan SPRM.
- 2.7.3. Walaupun pihak Kerajaan menegaskan bahawa tidak ada pengambilan anggota baru buat ketika ini dan meminta Jabatan-jabatan Kerajaan melaksanakan inovasi dalam aspek pengurusan sumber manusia, namun pihak Kerajaan harus melihat keperluan mendesak SPRM dalam mendapatkan keperluan perjawatan terutama sekali yang melibatkan aspek keselamatan. JKMR juga menyarankan

kepada YAB Perdana Menteri supaya permohonan 80 perjawatan pegawai Rendah Suruhanjaya ini diberi keutamaan dan dipertimbangkan tanpa 'trade off' dengan perjawatan yang sedia ada kerana Pegawai-pegawai ini akan kemudiannya ditugaskan sebagai Pegawai Rendah Suruhanjaya yang akan terlibat secara langsung dalam tugas-tugas yang melibatkan keselamatan.

## 2.8 ISU-ISU KESELAMATAN

- 2.8.1. Keperluan keselamatan di premis-premis pejabat SPRM di seluruh negara harus diutamakan dengan mengambil perhatian kepada setiap arahan dan peraturan yang sedia ada tanpa berkompromi dalam mana-mana hal. Peraturan yang sedia ada juga hendaklah ditambahbaik bagi mengelak ruang dan peluang berlakunya pelanggaran arahan dan peraturan berkenaan.
- 2.8.2. JKMR juga menekankan supaya latihan dan kemahiran dalam mengendalikan saksi, orang tertuduh dan orang ramai di titik beratkan dan dilaksanakan secara berterusan kepada Pegawai-pegawai SPRM. Dengan ini, Pegawai-pegawai SPRM akan lebih kompeten dan profesional dalam pengendalian saksi, orang tertuduh dan orang ramai.
- 2.8.3. Sistem keselamatan fizikal bagi setiap bangunan dan pejabat SPRM haruslah dipertingkatkan semaksimum mungkin demi memastikan kejadian yang tidak diingini daripada berulang. Arahan dan peraturan yang berkaitan keselamatan hendaklah digubal dan dipatuhi bagi memastikan keselamatan sentiasa di tahap optimum. Pemantauan berterusan dan pengemaskinian terhadap sistem dan peraturan yang sedia ada juga perlulah sentiasa dilaksanakan bagi mempertingkatkan lagi penyampaian tugas dan tanggungjawab menyeluruh setiap Pegawai SPRM.
- 2.8.4. Pihak Kerajaan juga seharusnya meletakkan tahap keselamatan ICT di tahap tertinggi bagi memastikan data-data penting di SPRM tidak dicerobohi dan digodam oleh pihak-pihak luar. Ini termasuklah meningkatkan sistem keselamatan rangkaian SPRM seperti sistem *Firewall System*, *Intrusion Prevention System (IPS)*, *Content Filtering* dan *Web Application Firewall*. Kawalan dan pemantauan terhadap sistem keselamatan ICT ini juga harus dilaksanakan secara rapi dan berterusan. Keselamatan ICT berkait rapat dengan perlindungan maklumat dan aset ICT. Ini kerana komponen peralatan perkakasan dan perisian yang merupakan sebahagian daripada aset ICT organisasi kerajaan seperti SPRM adalah pelaburan besar dan perlu dilindungi. Begitu juga dengan maklumat yang tersimpan di dalam sistem ICT, ia amat berharga kerana banyak sumber yang telah digunakan untuk menghasilkannya dan sukar untuk dijana semula dalam jangka masa yang singkat. Tambahan pula terdapat maklumat yang diproses oleh sistem ICT adalah sensitif dan terperingkat. Pendedahan tanpa kebenaran atau pembocoran rahsia boleh memudaratkan kepentingan negara.

2.8.5. JKMR juga menyedari bahawa ancaman dan ugutan adalah perkara lumrah yang sentiasa dihadapi oleh pegawai-pegawai agensi penguatkuasaan termasuklah SPRM. Namun JKMR berharap Pegawai-pegawai SPRM tidak takut dan tidak tunduk kepada ancaman-ancaman ini sebaliknya hendaklah sentiasa bertindak '*without fear or favour*' serta mengambil pendekatan positif dan komited dalam melaksanakan tugas walau apa pun cabaran dan rintangan yang dihadapi.

## 2.9. PROGRAM PENDIDIKAN DAN PENCEGAHAN RASUAH

JKMR berpandangan bahawa program pendidikan dan pencegahan rasuah merupakan satu perkara yang amat penting selain daripada tindakan penguatkuasaan dan undang-undang bagi usaha mencegah rasuah. Ini adalah bagi menutup ruang dan peluang untuk mencegah berlakunya rasuah. Program pendidikan masyarakat juga harus ditekankan bagi mendidik orang ramai membenci rasuah dan seterusnya memandang rasuah sebagai sesuatu yang menjijikkan. Program ini juga harus bermula di peringkat sekolah hinggalah ke peringkat universiti. Bagi menguatkan dan memperkasakan aktiviti pendidikan masyarakat ini, JKMR mencadangkan supaya peruntukan kewangan ditambah. Bagi tujuan pendidikan masyarakat, sebagai contoh, ICAC Hong Kong diperuntukkan RM27 juta sedangkan SPRM hanya diberi peruntukan sebanyak RM3.5 juta yang termasuk bayaran gaji pegawai-pegawainya. Sebagai perbandingan, nisbah peruntukan yang diberikan bagi program pendidikan masyarakat bagi ICAC Hong Kong berbanding SPRM Malaysia adalah seperti berikut:

Hong Kong :	1 penduduk = RM3.86
Malaysia :	1 penduduk = RM0.13

## 2.10 PENUBUHAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENCEGAHAN RASUAH

2.10.1. Memandangkan pola jenayah rasuah kini yang merentasi sempadan, kompleks dan bersindiket, JKMR berpandangan bahawa SPRM memerlukan pegawai-pegawai yang profesional, pakar dan kompeten dalam pelbagai bidang untuk berkhidmat dengan Suruhanjaya ini. Antara bidang yang dikenal pasti adalah forensik akaun, kejuruteraan, komunikasi, teknologi maklumat, undang-undang dan sebagainya. Bagi membolehkan Suruhanjaya ini mendapatkan sumber kerja secara efektif, SPRM perlu mempunyai sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah sendiri bagi membolehkan SPRM mengenal pasti calon-calon yang terbaik dan mempunyai kepakaran khusus. Bagi amalan sedia ada yang melibatkan proses pelantikan, pengesahan dan kenaikan pangkat anggota perkhidmatan pencegahan rasuah, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) tidak memberikan kelebihan tersebut kepada SPRM dalam memilih kualiti dan kredibiliti calon individu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang memerlukan kepakaran dan kompeten di dalam sesuatu bidang seperti perakaunan, ekonomi, perbankan, teknologi maklumat, kejuruteraan dan komunikasi.



- 2.10.2. Jumlah keanggotaan yang kecil bukanlah satu ukuran untuk meniadakan keperluan SPRM mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan sendiri. Ini kerana bidang tugas SPRM merupakan tugas yang memerlukan kepakaran dan tahap profesionalisme yang tinggi kerana pola jenayah rasuah pada masa kini bersifat lebih unik dan kompleks. Maklum balas juga mendapati, ramai golongan profesional seperti akauntan, jurutera, dan pegawai komunikasi dan teknologi maklumat yang ingin berkhidmat dengan SPRM tidak dapat dikecapi kerana proses dan peraturan yang sedia ada menyukarkan pengambilan golongan ini untuk berkhidmat di SPRM.
- 2.10.3. Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah ini dapat mencerminkan hasrat sebenar Kerajaan dalam memastikan Suruhanjaya ini benar-benar bebas dan sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat dengan kelebihan pengambilan pegawai yang mempunyai kemahiran profesional, integriti dan kualiti yang tinggi di lakukan sendiri oleh SPRM. Operasi siasatan terutama sekali yang melibatkan kes-kes jenayah rasuah dan penyelewengan yang kompleks juga dapat dikendalikan dengan lebih berkesan.
- 2.10.4 Walaupun penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan ini memerlukan pindaan dalam Peruntukan Perlembagaan, ia sepatutnya tidak menjadi suatu masalah yang besar memandangkan Ahli-ahli JKMR yang terdiri dari pelbagai parti utama negara akan menyokong penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah ini demi kebaikan negara.

### **3. PENUNAIAAN FUNGSI JKMR**

- 3.1 Selaras dengan peruntukan seksyen 14(5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), JKMR telah mengadakan mesyuarat susulan pada tarikh-tarikh seperti berikut bagi menyediakan laporan penunaian fungsinya kepada Perdana Menteri sebelum salinan laporan tahunan tersebut dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen.
- 3.1.1 16 Mei 2011
  - 3.1.2 26 Mei 2011
  - 3.1.3 14 Jun 2011
  - 3.1.4 15 Jun 2011
  - 3.1.5 16 Jun 2011
  - 3.1.6 21 Jun 2011
  - 3.1.7 27 Jun 2011
  - 3.1.8 19 Julai 2011
  - 3.1.9 14 September 2011



Sesi Perjelasan SPRM kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah pada 16 Mei 2011 di Parlimen.

## 4. RUMUSAN

- 4.1. Pada tahun 2010, SPRM telah melaksanakan tugas dengan baik melalui peningkatan dari segi pencapaiannya berbanding tahun 2009 walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam mencegah jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di negara ini. Banyak operasi-operasi yang dilaksanakan oleh SPRM telah memberi impak yang positif kepada pihak Kerajaan baik dari segi ekonomi dan keselamatan negara. Namun begitu, SPRM dinasihatkan supaya terus berusaha dengan lebih gigih lagi dalam menghapuskan jenayah rasuah ini bagi memastikan negara ini benar-benar aman dan bebas dari jenayah rasuah.
- 4.2. JKMR juga berharap SPRM menekankan aspek-aspek keselamatan yang tinggi tanpa berkompromi terutamanya ketika berurusan dengan orang ramai. Peraturan-peraturan dan arahan hendaklah dikeluarkan oleh SPRM dengan segera dan dipatuhi oleh semua lapisan Pegawai/Kakitangan SPRM tanpa gagal. JKMR juga menekankan supaya aspek keselamatan bangunan dan ruang pejabat SPRM ditingkatkan bagi mengelak daripada dicerobohi atau membuka ruang kepada sebarang konflik atau persepsi.
- 4.3. Ahli-ahli JKMR yang mewakili parti-parti politik terbesar tanah air iaitu Barisan Nasional, Parti Islam Semalaysia (PAS), Keadilan dan *Democratic Action Party* (DAP) berharap agar semua pihak dan masyarakat tidak terus mempolitikkan isu rasuah kerana rasuah bukanlah semata-mata mengenai parti atau individu tertentu, sebaliknya rasuah berpunca dari sifat tamak manusia dan bermatlamatkan keuntungan peribadi. JKMR berharap semua pihak bersama-sama menyokong dan mendukung perjuangan SPRM dalam membanteras jenayah rasuah di negara ini tanpa mengira apa jua fahaman dan anutan. Masyarakat juga seharusnya memberi teguran dan cadangan yang membina kepada SPRM dan bukannya semata-mata menghentam SPRM untuk menjejaskan kredibiliti SPRM di mata masyarakat.
- 4.4. JKMR berharap supaya pihak Kerajaan yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri memandang serius dan mengambil berat akan saranan dan cadangan ahli-ahli JKMR yang telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah peruntukan seksyen 14 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) demi menjadikan negara ini bebas dari jenayah rasuah.

Tarikh : 16 Mei 2011  
 Masa : 10.00 pagi – 4.30 petang  
 Tempat : Bilik Jawatankuasa 1  
 Bangunan Parlimen

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
1.	<p><b>Penjimatan Wang Kerajaan</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang jumlah wang kerajaan yang dapat diselamatkan oleh SPRM melalui beberapa kes yang telah dijalankan sepanjang tahun 2010 antaranya kes operasi yang melibatkan pembalakan haram, penyeludupan pasir, diesel dan sebagainya.</p>	<p><b>Operasi Pembalakan Haram</b></p> <p>Sepanjang tahun 2010, sebanyak 46 maklumat berkaitan pembalakan haram telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 10 siasatan terbuka telah dijalankan di seluruh negara. Hasil daripada operasi ini juga, empat (4) orang pegawai awam telah berjaya ditahan di negeri Kedah di atas kesalahan di bawah seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) iaitu yang melibatkan Pengarah Perhutanan Daerah Kedah Selatan, Pegawai Hutan Daerah Kedah Selatan, dua (2) orang Renjer Hutan dan beberapa orang awam lain yang bersekongkol di dalam kegiatan jenayah ini. Nilai balak yang telah ditebang secara haram dan disita adalah dianggarkan berjumlah RM8,950,000.00. Kegiatan pembalakan haram bukan sahaja merugikan Kerajaan dari segi kutipan hasil malah kegiatan pembalakan haram yang dijalankan secara berleluasa tanpa kawalan juga pasti akan memusnahkan habitat dan ekosistem semula jadi negara.</p> <p><b>Operasi Penyeludupan Pasir</b></p> <p>Sepanjang tahun 2010 sahaja, SPRM telah menerima sebanyak 410 maklumat berkaitan rasuah dan salah guna kuasa dalam pengeluaran bahan batuan pasir. Daripada 45 Kertas Siasatan (KS) yang telah dibuka, sejumlah 43 tangkapan telah berjaya dibuat. Daripada jumlah itu, 22 orang telah dituduh di mahkamah atas pelbagai kesalahan rasuah dan penyelewengan isu pasir. Nilai suapan yang terlibat sepanjang operasi ini ialah RM321,528.40.</p>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<p>Jika dibuat pengiraan kerugian mengikut anggaran sebanyak 3,000 lori yang digunakan untuk mengangkut pasir selama setahun, kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan boleh mencecah hampir RM600 juta. Adalah dianggarkan juga bahawa kerugian negara akibat penyeludupan dan perbuatan mencuri pasir ke negara jiran boleh mencecah sehingga RM147 juta setahun. Ini hanya mengambil kira pasir yang diangkut menggunakan kapal yang berkapasiti antara 4,000 hingga 5,000 tan sebanyak dua (2) kali sehari.</p> <p>Usaha-usaha yang dilakukan oleh SPRM juga telah mendatangkan kebaikan kepada negara dari segi ekonomi dan alam sekitar iaitu hasil daripada keputusan Mesyuarat Kabinet, Kerajaan telah sama sekali melarang penggunaan pengangkutan laut bagi mengangkut pasir ke luar negara. SPRM juga melalui inisiatifnya sendiri telah mencadangkan di dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) supaya <i>barge</i> dan lori yang digunakan untuk mengangkut pasir juga turut disita di bawah peruntukan Akta Kastam 1967 (Akta 235) bagi membendung perkara tersebut daripada berulang.</p> <p><b>Operasi Penyeludupan Diesel</b></p> <p>Pemberian diesel bersubsidi oleh Kerajaan kepada para nelayan adalah bertujuan untuk membantu mereka dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka. Namun bantuan subsidi ini telah disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu apabila berlaku rasuah dan penyelewengan. Kesannya, Kerajaan telah mengalami kerugian dan golongan yang berpendapatan rendah seperti nelayan tidak dapat menikmati kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan dan memajukan kehidupan mereka. Adalah dianggarkan bahawa Kerajaan terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM257 juta setahun bagi tempoh lima tahun dengan purata RM50 juta setahun berdasarkan anggaran paling minimum iaitu sebanyak 5% dari peruntukan subsidi diesel iaitu sebanyak 5.1 billion bagi tempoh lima tahun.</p>



BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<p>Berdasarkan maklumat dan aduan yang diperoleh, pihak-pihak dan individu-individu yang terlibat dalam penyelewengan ini termasuklah pengusaha jeti, pemilik bot, pemilik tangki minyak haram dan beberapa individu yang memiliki depot. Sehubungan itu, dalam satu operasi yang dinamakan 'Ops Nano', SPRM bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah berjaya membongkar kegiatan penyelewengan tersebut yang telah membawa kepada tahanan sebanyak 36 individu serta penyitaan 458,000 liter diesel yang dianggarkan bernilai lebih setengah juta ringgit. Mereka yang ditahan adalah terdiri daripada 16 orang di negeri Perak, tujuh (7) orang di negeri Sarawak, lima (5) orang di negeri Pahang, dua (2) orang di negeri Kedah, tiga (3) orang di negeri Johor dan seorang di negeri Perlis.</p> <p><b>Operasi Membanteras Kebocoran Pintu Masuk Negara</b></p> <p>Isu kemasukan dan kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) tanpa kawalan dan penguatkuasaan boleh menyebabkan pelbagai gejala negatif seperti permasalahan sosial dan budaya, pertambahan kadar jenayah, pemerdagangan manusia dan kesihatan. Menyedari wujudnya ruang dan peluang perlakuan rasuah dalam isu kemasukan PATI ke negara ini, SPRM telah melaksanakan tindakan operasi ke atas maklumat berhubung kemasukan warga Indonesia tanpa permit perjalanan yang sah. Pendatang-pendatang tersebut telah dikehendaki oleh dalang-dalang untuk membayar sejumlah wang kepada Pegawai Imigresen sebagai jaminan agar tiada masalah timbul khususnya di pintu masuk Pelabuhan Klang. Kebanyakan mereka ini yang masuk ke Malaysia adalah semata-mata untuk mencari pekerjaan. Kadar bayaran levi pekerja asing oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah antara RM360.00 hingga RM1,800.00 setahun mengikut sektor pekerjaan. Manakala yuran pemprosesan pas lawatan (kerja sementara) adalah antara RM60.00 hingga RM110.00 seorang. Anggaran dengan menggunakan bilangan pendatang tersebut dan purata bayaran yuran pas lawatan (kerja sementara) serta levi yang sepatutnya dikenakan adalah RM800.00,</p>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<p>Kerajaan dianggarkan boleh mengalami kerugian mencecah RM86.4 juta setahun akibat daripada ketidakpatuhan prosedur imigresen. Kerugian ini tidak termasuk kos-kos yang melibatkan pengurusan tahanan, pengusiran PATI dan kos makan yang dianggarkan berjumlah RM171 juta setahun. Akibat kebanjiran PATI ini, Kerajaan juga sekali lagi terpaksa menanggung kos-kos lain yang sukar dianggarkan iaitu daripada aspek keselamatan, implikasi sosial dan perkhidmatan kesihatan.</p> <p>Melalui tindakan yang dilaksanakan oleh SPRM, didapati wujudnya segelintir Pegawai Imigresen yang hidup mewah dengan menerima sogokan sehingga RM60,000.00 sebulan di Jeti Penumpang Pulau Ketam. Bayaran ini dibuat bagi memudahkan urusan keluar masuk pendatang haram dan melepaskan warga asing yang mempunyai cop palsu dipasport atau tiada sebarang dokumen perjalanan. Hasil tindakan operasi yang dijalankan, seramai 11 orang pegawai dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan tujuh (7) orang awam telah ditangkap. Sembilan (9) daripada pegawai JIM yang ditangkap bertugas di Jeti Penumpang Pulau Ketam, manakala dua (2) lagi adalah pegawai yang bertugas di Jeti Port Dickson. Secara keseluruhannya, sebanyak RM231,608.36 nilai wang tunai atau dalam akaun simpanan pegawai tersebut telah disita. Jumlah nilai aset yang disita adalah berjumlah RM117,400.00.</p>
2.	<p><b>Kuasa Pendakwaan</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang status isu pemberian kuasa pendakwaan kepada SPRM.</p>	<p>Pada masa kini, keputusan kes-kes siasatan oleh SPRM diputuskan oleh Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM yang juga merupakan Timbalan Pendakwa Raya Kanan melalui suatu penurunan kuasa yang telah diberikan oleh Peguam Negara di dalam surat bertarikh 25 Julai 2008 yang jelas membawa maksud bahawa semua hak dan kuasa yang terletak hak pada atau dijalankan oleh Peguam Negara di bawah Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) atau mana-mana undang bertulis yang lain menurut peruntukan subseksyen 373(3) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan Arahan Pendakwa Raya Bil. 5/94 adalah dengan ini tidak terpakai tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara.</p>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM									
		<p>SPRM juga menjelaskan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Ogos 2008 juga telah memutuskan supaya:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. "...keputusan kes-kes siasatan dimuktamadkan di SPRM dengan menempatkan Timbalan Pendakwa Raya yang kanan di SPRM untuk membuat keputusan"</li> <li>2. Peguam Negara telah mengeluarkan surat membenarkan Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM untuk memutuskan kes-kes siasatan yang telah dikemukakan oleh SPRM. (sebelum ini kes-kes siasatan dikemukakan kepada Unit Terkelas, Jabatan Peguam Negara sehingga menimbulkan kelewatan disebabkan kes-kes yang terlalu banyak untuk diputuskan).</li> </ol>									
3.	<p><b>Siasatan kes yang melibatkan Sime Darby Berhad</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang status kes yang berkaitan dengan Sime Darby Berhad.</p>	<p>SPRM telah membuka tujuh (7) KS yang melibatkan siasatan terhadap pegawai-pegawai di Syarikat Sime Darby Berhad. Daripada jumlah tujuh (7) KS yang dibuka tersebut, tiga (3) individu telah dituduh di mahkamah.</p> <p>Berikut adalah individu-individu yang telah dituduh di:</p> <table border="1" data-bbox="896 837 1728 1116"> <thead> <tr> <th data-bbox="896 837 967 897">Bil</th> <th data-bbox="967 837 1334 897">Nama Orang Yang Dituduh</th> <th data-bbox="1334 837 1728 897">Jawatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="896 897 967 991">1.</td> <td data-bbox="967 897 1334 991">Mazhazmi bin Jamaluddin</td> <td data-bbox="1334 897 1728 991">Bekas Pengurus Besar/ Sime Darby Marine Sdn Bhd</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 991 967 1116">2.</td> <td data-bbox="967 991 1334 1116">Zamri bin Mohd Iderus</td> <td data-bbox="1334 991 1728 1116">Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan dan Marine/ Sime Darby Energy Sdn Bhd</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Nama Orang Yang Dituduh	Jawatan	1.	Mazhazmi bin Jamaluddin	Bekas Pengurus Besar/ Sime Darby Marine Sdn Bhd	2.	Zamri bin Mohd Iderus	Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan dan Marine/ Sime Darby Energy Sdn Bhd
Bil	Nama Orang Yang Dituduh	Jawatan									
1.	Mazhazmi bin Jamaluddin	Bekas Pengurus Besar/ Sime Darby Marine Sdn Bhd									
2.	Zamri bin Mohd Iderus	Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan dan Marine/ Sime Darby Energy Sdn Bhd									

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM						
		<table border="1" data-bbox="896 243 1728 397"> <thead> <tr> <th data-bbox="902 247 967 303">Bil</th> <th data-bbox="967 247 1328 303">Nama Orang Yang Dituduh</th> <th data-bbox="1328 247 1723 303">Jawatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="902 303 967 393">3.</td> <td data-bbox="967 303 1328 393">Zaki bin Osman</td> <td data-bbox="1328 303 1723 393">Senior General Manager/ Sime Darby Engineering Sdn Bhd</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="858 427 1728 514">Manakala dua (2) kes lagi telah dibawa untuk siasatan lanjut berikutan pengesanan saksi-saksi yang berada di Singapura dan antara lainnya adalah yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sarawak.</p>	Bil	Nama Orang Yang Dituduh	Jawatan	3.	Zaki bin Osman	Senior General Manager/ Sime Darby Engineering Sdn Bhd
Bil	Nama Orang Yang Dituduh	Jawatan						
3.	Zaki bin Osman	Senior General Manager/ Sime Darby Engineering Sdn Bhd						
4.	<p data-bbox="325 581 816 635"><b>Siasatan kes yang melibatkan Port Klang Free Zone (PKFZ)</b></p> <p data-bbox="325 676 816 763">JKMR memohon penjelasan tentang kes yang berkaitan dengan Port Klang Free Zone (PKFZ).</p>	<p data-bbox="858 581 1728 763">Siasatan ke atas PKFZ telah dijalankan oleh satu <i>task-force</i> yang dianggotai oleh Pegawai-pegawai dari SPRM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Untuk tugas ini, pembahagian kerja telah dilakukan bersama antara pihak PDRM yang menumpukan kesalahan dibawah Kanun Keseksaan (Akta 574) manakala SPRM memberi tumpuan kepada kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).</p> <p data-bbox="858 796 1728 978">SPRM juga telah menjalankan siasatan di bawah seksyen 4(1) Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613) terhadap saham-saham yang dimiliki oleh individu-individu tertentu sehingga berjumlah RM300 juta. Saham-saham ini kemudiannya telah disita oleh SPRM di bawah Akta Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta 613) dengan kuasa Timbalan Pendakwa Raya.</p> <p data-bbox="858 1012 1728 1132">Sehingga kini enam (6) individu telah dituduh di mahkamah iaitu Tun Ling Liong Sik, Tan Sri Chang Kong Choi, Datin Paduka OC Phang, bekas Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Klang, Law Jenn Dong, bekas Pengurus Projek Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) iaitu syarikat kontraktor pembinaan PKFZ, Steven Abok, Ketua</p>						

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		Pegawai Operasi KDSB dan arkitek, Bernard Tan Seng Swee dari BTA Architect yang merupakan perunding PKFZ.
5.	<p><b>Bilangan dan keupayaan Timbalan Pendakwa Raya</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang jumlah Timbalan Pendakwa Raya (TPR) dan keupayaan mereka dalam mengendalikan kes-kes rasuah.</p>	<p>Buat masa ini hanya terdapat 36 orang TPR yang terpaksa mengendalikan 376 kes-kes perbicaraan dan 498 kes-kes rayuan (Jumlah kes berubah setiap hari). Dalam mengambilkira kes-kes rasuah yang kompleks dan rumit serta penubuhan Mahkamah Khas Rasuah yang bertujuan dalam menyasarkan kes-kes rasuah diselesaikan dalam tempoh satu tahun, maka jumlah TPR yang ada buat masa ini tidak dapat menampung keperluan yang sepatutnya. Oleh itu, sekiranya pertambahan sebanyak 14 orang TPR yang berpengalaman dapat dilaksanakan, maka ia akan lebih melancarkan serta menghasilkan pendakwaan yang lebih berkualiti terhadap kes-kes di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan mana-mana undang bertulis yang berkaitan.</p>
6.	<p><b>Peranan Bahagian Pendidikan Masyarakat</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang peranan Bahagian Pendidikan Masyarakat dalam menyampaikan mesej-mesej anti-rasuah.</p>	<p>Pada tahun 2010, SPRM melalui Bahagian Pendidikan Masyarakat telah melaksanakan program-program seperti berikut iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>□ Perhubungan masyarakat melalui komunikasi bersemuka iaitu seperti pendekatan ceramah, dialog, diskusi meja bulat, Sekretariat Pencegahan Rasuah di peringkat Institut Pengajian Tinggi, Pameran dan Gerak Mesra.</li> <li>□ Melaksanakan jalinan atau perkongsian bestari antara agensi-agensi Kerajaan dalam memaparkan mesej-mesej anti rasuah seperti Pihak Berkuasa Tempatan melalui <i>billboard</i>, iklan pencegahan rasuah di pasaraya dan restoran, Radio Televisyen Malaysia melalui drama dan iklan, Filem Negara Malaysia melalui iklan animasi televisyen, program pencegahan rasuah bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM),</li> </ul>



BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<p>Kementerian Pengajian Tinggi, PETRONAS, Karangkrif Malaysia, <i>Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry (ACCIM)</i>, Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (HUAZHONG), <i>Tamil Art Society</i> dan <i>Transparency Index National</i>.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>□ Melaksanakan promosi pencegahan rasuah melalui media-media seperti televisyen, radio dan akhbar.</li> </ul> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa peruntukan yang telah diterima oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat pada tahun 2010 secara keseluruhan adalah berjumlah RM3.8 juta termasuk gaji para pegawai berbanding peruntukkan ICAC Hong Kong sebanyak HK\$67.7M atau RM27 juta. Kebanyakan daripada jumlah peruntukan yang diperolehi oleh Bahagian Pendidikan Masyarakat telah dibelanjakan untuk penyiaran iklan-iklan di media elektronik dan media cetak yang melibatkan kos yang sangat tinggi.</p>
7.	<p><b>Penglibatan proaktif SPRM dalam projek mega Kerajaan</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang tindakan proaktif yang dilaksanakan oleh SPRM dalam mencegah rasuah terutama sekali yang melibatkan projek-projek mega Kerajaan seperti <i>Mass Rapid Transit (MRT)</i>.</p>	<p>SPRM telah melaksanakan tindakan proaktif dalam mencegah rasuah terutama sekali yang melibatkan projek-projek mega Kerajaan iaitu Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus Projek Mega Kerajaan. Jawatankuasa ini akan berperanan memantau Projek Mega Kerajaan dari peringkat perancangan sehingga pelaksanaannya bagi mencegah segala bentuk rasuah secara menyeluruh, terancang dan berkesan terhadap sesuatu projek Kerajaan.</p> <p>Jawatankuasa ini telah memulakan projek pertamanya dengan memantau Projek <i>Mass Rapid Transit (MRT) SBK Line</i>. Untuk projek ini, agensi yang terlibat ialah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana), <i>Transparency International Malaysia (TI-M)</i>, Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU) dan Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) SPRM. Dato' Sri Hj.</p>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM												
		<p>Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah dilantik sebagai Pengerusi kepada Jawatankuasa ini.</p> <p>Mesyuarat Bil. 1/2011 telah diadakan pada 25 April 2011 dan keputusan Mesyuarat tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat <i>Klang Valley MRT Project Executive Committee</i> yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara pada 27 April 2011 yang juga telah meluluskan pembentukan tiga (3) Jawatankuasa Kerja Di Bawah Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus Projek Mega Kerajaan – <i>Mass Rapid Transit (MRT) SBK Line</i>.</p>												
8.	<p><b>Bajet Kewangan SPRM</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang bajet kewangan SPRM bagi tahun 2010 dan 2011.</p>	<p>Pada tahun 2011, SPRM memohon peruntukan sebanyak RM306,209,100.00 dan hanya diluluskan sebanyak RM202,280,000.00. Namun begitu peruntukan yang diterima oleh SPRM pada tahun 2011 adalah 21.44% lebih tinggi berbanding pada tahun 2010. Ini kerana peruntukan yang diterima pada tahun 2010 adalah hanya RM166,569,000.00.</p> <p>Pecahan butiran peruntukan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="896 814 1728 1147"> <thead> <tr> <th data-bbox="896 814 1176 938">Butiran</th> <th data-bbox="1176 814 1487 938">Jumlah Peruntukan Yang Dipohon Oleh SPRM (RM)</th> <th data-bbox="1487 814 1728 938">Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="896 938 1176 999">EMOLUMEN</td> <td data-bbox="1176 938 1487 999">109,279,200.00</td> <td data-bbox="1487 938 1728 999">109,279,200.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 999 1176 1094">PERKHIDMATAN &amp; BEKALAN</td> <td data-bbox="1176 999 1487 1094">138,337,400.00</td> <td data-bbox="1487 999 1728 1094">87,627,600.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 1094 1176 1147">ASET</td> <td data-bbox="1176 1094 1487 1147">58,359,700.00</td> <td data-bbox="1487 1094 1728 1147">5,140,400.00</td> </tr> </tbody> </table>	Butiran	Jumlah Peruntukan Yang Dipohon Oleh SPRM (RM)	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan (RM)	EMOLUMEN	109,279,200.00	109,279,200.00	PERKHIDMATAN & BEKALAN	138,337,400.00	87,627,600.00	ASET	58,359,700.00	5,140,400.00
Butiran	Jumlah Peruntukan Yang Dipohon Oleh SPRM (RM)	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan (RM)												
EMOLUMEN	109,279,200.00	109,279,200.00												
PERKHIDMATAN & BEKALAN	138,337,400.00	87,627,600.00												
ASET	58,359,700.00	5,140,400.00												

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM										
		Butiran	Jumlah Peruntukan Yang Dipohon Oleh SPRM (RM)	Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan (RM)								
		PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP	232,800.00	232,800.00								
		<b>JUMLAH</b>	<b>306,209,100.00</b>	<b>202,280,000.00</b>								
9.	<p><b>Perjawatan dan Keanggotaan SPRM</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan mengenai perjawatan di SPRM bagi kedua-dua tahun iaitu 2010 dan 2011.</p>	<p>Dari segi perjawatan, SPRM memaklumkan bahawa keseluruhan Pegawai dan kakitangan SPRM adalah sebanyak 2,500 orang yang terdiri daripada 1,800 Pegawai SPRM dan 700 kakitangan guna sama. Manakala jika dibuat perbandingan dengan <i>Independent Commission Against Corruption</i> (ICAC) Hong Kong, keseluruhan Pegawai ICAC, Hong Kong adalah sebanyak 1,200 orang yang mempunyai jumlah penduduk sekitar 7 juta orang.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan dari segi perjawatan SPRM, semasa berlakunya peralihan dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke SPRM, pada dasarnya Kerajaan telah bersetuju memberi keanggotaan sebanyak 5,000 orang secara beransur-ansur sehingga tahun 2012. Walaubagaimanapun, tambahan perjawatan yang diterima bermula pada tahun 2008 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="896 969 1734 1186"> <thead> <tr> <th data-bbox="896 969 1157 1022">TAHUN</th> <th data-bbox="1157 969 1734 1022">TAMBAHAN PERJAWATAN YANG DITERIMA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="896 1022 1157 1076">2008</td> <td data-bbox="1157 1022 1734 1076">500 orang</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 1076 1157 1130">2009</td> <td data-bbox="1157 1076 1734 1130">158 orang</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 1130 1157 1186">2010</td> <td data-bbox="1157 1130 1734 1186">33 orang</td> </tr> </tbody> </table>			TAHUN	TAMBAHAN PERJAWATAN YANG DITERIMA	2008	500 orang	2009	158 orang	2010	33 orang
TAHUN	TAMBAHAN PERJAWATAN YANG DITERIMA											
2008	500 orang											
2009	158 orang											
2010	33 orang											

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM																				
		<p>Pada tahun 2011, SPRM terpaksa melakukan trade off dengan jawatan sedia ada seramai 48 perjawatan bagi mendapatkan perjawatan Pegawai Keselamatan seramai 80 orang yang akan dikelaskan sebagai Pegawai Rendah Suruhanjaya, sekiranya diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi jawatan Pegawai Rendah Suruhanjaya ini, SPRM juga mencadangkan untuk mengambil sebahagian-nya daripada Jabatan Penjara Malaysia dan Pejabat Keselamatan Kerajaan.</p> <p>SPRM juga bercadang untuk melaksanakan pengambilan pegawai kontrak untuk diletakkan di Bahagian Pendidikan Masyarakat dan Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan kerana seadanya, kedua-dua Bahagian ini memerlukan pegawai-pegawai yang pengalaman dan mempunyai kemahiran khusus mengikut fungsi setiap Bahagian, manakala Pegawai-pegawai SPRM yang sedia ada di kedua-dua Bahagian tersebut pula akan ditempatkan di Bahagian Siasatan untuk menambahkan jumlah pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkenaan operasi siasatan bagi menjadikan Bahagian ini lebih efektif demi menyahut saranan Kerajaan dalam usaha untuk membanteras rasuah.</p> <p style="text-align: center;"><b>JUMLAH PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 11 MEI 2011</b></p> <table border="1" data-bbox="896 844 1726 1143"> <thead> <tr> <th data-bbox="896 844 1201 901">TAHUN</th> <th data-bbox="1201 844 1353 901">JAWATAN</th> <th data-bbox="1353 844 1525 901">PENGISIAN</th> <th data-bbox="1525 844 1726 901">KOSONG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="896 901 1201 959">2008</td> <td data-bbox="1201 901 1353 959">2,462</td> <td data-bbox="1353 901 1525 959">1,777</td> <td data-bbox="1525 901 1726 959">685</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 959 1201 1017">2009</td> <td data-bbox="1201 959 1353 1017">2,620</td> <td data-bbox="1353 959 1525 1017">2,075</td> <td data-bbox="1525 959 1726 1017">545</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 1017 1201 1075">2010</td> <td data-bbox="1201 1017 1353 1075">2,580</td> <td data-bbox="1353 1017 1525 1075">2,269</td> <td data-bbox="1525 1017 1726 1075">311</td> </tr> <tr> <td data-bbox="896 1075 1201 1143">2011 (sehingga 11/5/2011)</td> <td data-bbox="1201 1075 1353 1143">2,571</td> <td data-bbox="1353 1075 1525 1143">2,298</td> <td data-bbox="1525 1075 1726 1143">273</td> </tr> </tbody> </table>	TAHUN	JAWATAN	PENGISIAN	KOSONG	2008	2,462	1,777	685	2009	2,620	2,075	545	2010	2,580	2,269	311	2011 (sehingga 11/5/2011)	2,571	2,298	273
TAHUN	JAWATAN	PENGISIAN	KOSONG																			
2008	2,462	1,777	685																			
2009	2,620	2,075	545																			
2010	2,580	2,269	311																			
2011 (sehingga 11/5/2011)	2,571	2,298	273																			

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM																				
		<p style="text-align: center;"><b>RINGKASAN PERJAWATAN YANG DILULUSKAN DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2011</b></p> <table border="1" data-bbox="896 317 1726 964"> <thead> <tr> <th data-bbox="902 321 967 408">Bil.</th> <th data-bbox="967 321 1081 408">Tahun</th> <th data-bbox="1081 321 1252 408">Jawatan Dipohon</th> <th data-bbox="1252 321 1721 408">Jawatan Lulus</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="902 408 967 502">1.</td> <td data-bbox="967 408 1081 502">2008</td> <td data-bbox="1081 408 1252 502">16,000</td> <td data-bbox="1252 408 1721 502">500 (Waran Perjawatan A 150 Tahun 2008)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="902 502 967 596">2.</td> <td data-bbox="967 502 1081 596">2009</td> <td data-bbox="1081 502 1252 596">940</td> <td data-bbox="1252 502 1721 596">158 (Waran Perjawatan A 75 Tahun 2009)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="902 596 967 751">3.</td> <td data-bbox="967 596 1081 751">2010</td> <td data-bbox="1081 596 1252 751">96</td> <td data-bbox="1252 596 1721 751">33 (Waran Perjawatan A 80 Tahun 2010) <i>Trade Off</i> 54 Kekosongan Jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred P29</td> </tr> <tr> <td data-bbox="902 751 967 960">4.</td> <td data-bbox="967 751 1081 960">2011</td> <td data-bbox="1081 751 1252 960">80 (Lain-lain Permohonan)</td> <td data-bbox="1252 751 1721 960">Di dalam Proses Pertimbangan dan Kelulusan pihak Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (BPO, JPA) dengan <i>Trade Off</i> 48 Kekosongan Jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred P29</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Tahun	Jawatan Dipohon	Jawatan Lulus	1.	2008	16,000	500 (Waran Perjawatan A 150 Tahun 2008)	2.	2009	940	158 (Waran Perjawatan A 75 Tahun 2009)	3.	2010	96	33 (Waran Perjawatan A 80 Tahun 2010) <i>Trade Off</i> 54 Kekosongan Jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred P29	4.	2011	80 (Lain-lain Permohonan)	Di dalam Proses Pertimbangan dan Kelulusan pihak Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (BPO, JPA) dengan <i>Trade Off</i> 48 Kekosongan Jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred P29
Bil.	Tahun	Jawatan Dipohon	Jawatan Lulus																			
1.	2008	16,000	500 (Waran Perjawatan A 150 Tahun 2008)																			
2.	2009	940	158 (Waran Perjawatan A 75 Tahun 2009)																			
3.	2010	96	33 (Waran Perjawatan A 80 Tahun 2010) <i>Trade Off</i> 54 Kekosongan Jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred P29																			
4.	2011	80 (Lain-lain Permohonan)	Di dalam Proses Pertimbangan dan Kelulusan pihak Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (BPO, JPA) dengan <i>Trade Off</i> 48 Kekosongan Jawatan Penolong Pegawai Siasatan Gred P29																			
10.	<p><b>Status penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah Malaysia</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang status penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan</p>	<p>Berkaitan dengan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah Malaysia, adalah dimaklumkan bahawa terdapat sedikit kesukaran kerana perkara tersebut memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri,</p>																				



BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
	Pencegahan Rasuah Malaysia.	<p>beliau telah memohon Peguam Negara untuk mengkaji perkara tersebut supaya pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dapat menurunkan kuasa kepada SPRM bagi tujuan pengambilan pegawai-pegawai barunya.</p> <p>Namun, untuk kebaikan SPRM sendiri serta memudahkan proses pengambilan pegawai SPRM buat masa ini, mesyuarat antara pihak SPRM dan pihak SPA akan diadakan setiap bulan bagi membincangkan keperluan-keperluan SPRM dalam proses pengambilan pegawai-pegawainya berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak SPRM sendiri.</p>
11.	<p><b>Isu mengenai 'Political Funding'</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang isu 'political funding'.</p>	<p>Mana-mana parti politik atau mana-mana pertubuhan adalah tertakluk kepada semua undang-undang dan peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan di bawah pemantauan Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Seksyen 14(1)(db) Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) juga menjelaskan bahawa apa-apa wang atau harta atau faedah termasuklah keuntungan pekuniari yang diterima daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau sesuatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan atau agensi mana-mana kerajaan di luar Malaysia perlulah diisytiharkan dalam penyata tahunan tersebut. Justeru mengenai perkara tersebut, NKRA-Perangi Rasuah telah mencadangkan supaya klausa-klausa yang lebih jelas perlu ditambah dalam peruntukkan sedia ada. Pindaan yang dicadangkan adalah melibatkan seksyen 14 Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335). Antara cadangan-cadangan tersebut adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Wang sumbangan hendaklah dimasukkan terus ke dalam akaun parti tersebut dan bukannya ke dalam akaun persendirian pemegang amanah;</li> <li>❑ Segala wang sumbangan kepada parti/pertubuhan politik hendaklah direkodkan dengan teratur dan terurus; dan</li> </ul>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<ul style="list-style-type: none"> <li>❑ Akaun parti/pertubuhan politik tersebut hendaklah boleh di audit untuk tujuan pemantauan.</li> </ul>
12.	<p><b>Mahkamah Khas Rasuah</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang bilangan Mahkamah Khas Rasuah yang diwujudkan di Malaysia dan lokasinya.</p>	<p>Pewujudan Mahkamah Khas Rasuah sememangnya membantu SPRM dalam menyelesaikan kes-kes rasuah dengan lebih cepat. Pada tahun 2010 sahaja, jumlah individu yang didapati bersalah juga bertambah tiga (3) kali ganda dari tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, pada 16 Februari 2011, sebanyak 14 buah Mahkamah Khas Rasuah telah diwujudkan diseluruh Malaysia. Berikut adalah senarai Mahkamah Khas Rasuah yang telah diwujudkan di Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>❑ 3 buah Mahkamah Khas Rasuah di Shah Alam</li> <li>❑ 3 buah Mahkamah Khas Rasuah di Kuala Lumpur</li> <li>❑ 3 buah Mahkamah Khas Rasuah di Johor Bahru</li> <li>❑ 1 buah Mahkamah Khas Rasuah di Georgetown</li> <li>❑ 1 buah Mahkamah Khas Rasuah di Ipoh</li> <li>❑ 1 buah Mahkamah Khas Rasuah di Seremban</li> <li>❑ 1 buah Mahkamah Khas Rasuah di Kuantan</li> <li>❑ 1 buah Mahkamah Khas Rasuah di Kota Kinabalu</li> </ul>
13.	<p><b>Inisiatif oleh NKRA</b></p> <p>JKMR memohon penjelasan tentang inisiatif yang telah dilaksanakan oleh NKRA-Perangi Rasuah.</p>	<p>Adalah dimaklumkan bahawa antara inisiatif-inisiatif yang berjaya dilaksanakan di bawah NKRA-Perangi Rasuah sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:</p> <p><b>Perolehan Kerajaan</b></p> <p>NKRA-Perangi Rasuah dengan kerjasama kementerian berkaitan akan berusaha</p>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<p>mengurangkan ketirisan dana awam dalam program dan projek pembangunan Kerajaan dan memastikan kesaksamaan dalam pemberian kontrak Kerajaan kepada pihak yang terlibat.</p> <p><b>Menentukan Parameter Surat Sokongan</b></p> <p>NKRA-Perangi Rasuah telah mencadangkan penyediaan garis panduan yang jelas kepada penjawat awam bagi mengurus dan menangani amalan ‘Surat Sokongan’ yang boleh mempengaruhi pegawai Kerajaan dalam membuat keputusan. Bagi maksud tersebut, pihak Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah mengeluarkan Garis Panduan pada 2 April 2010 kepada semua agensi Kerajaan dan mensyaratkan keputusan perolehan Kerajaan mestilah berdasarkan merit.</p> <p><b>Portal My Procurement</b></p> <p>Merupakan gerbang utama maklumat perolehan Kerajaan yang akan memaparkan senarai iklan dan keputusan tender terkini bagi setiap Kementerian. Langkah ini adalah satu usaha Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan, integriti dan kebertanggungjawaban dalam perolehan Kerajaan.</p> <p><b>Integrity Pact</b></p> <p>Di bawah inisiatif NKRA-Perangi Rasuah dan SPRM, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan suatu Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil.10 tahun 2010 yang memaklumkan Garis Panduan Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> Dalam Perolehan Kerajaan yang bertarikh 16 Disember 2010.</p> <p><b>Penguatkuasaan dan Pengawal Seliaan</b></p> <p>Di bawah program dan inisiatif NKRA, empat (4) agensi penguatkuasaan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Jabatan Imigresen</p>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<p>Malaysia (JIM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah bersetuju untuk bekerjasama dan menghadiri latihan berpusat yang dianjurkan oleh SPRM.</p> <p><b>Rasuah Besar</b></p> <p>NKRA-Perangi Rasuah dan SPRM dengan kerjasama kementerian dan agensi lain akan melaksanakan inisiatif bagi memastikan dana awam tidak disalahguna untuk kepentingan pihak tertentu di samping memperkukuhkan mekanisme pembiayaan parti politik.</p> <p><b>Perbicaraan Kes Rasuah Dalam Setahun</b></p> <p>NKRA-Perangi Rasuah telah mendapatkan sokongan yang padu daripada badan kehakiman negara dan Jabatan Peguam Negara di mana satu arahan telah dikeluarkan iaitu Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.1/2010: Tempoh Masa Pelupusan Kes-kes Rasuah Di Bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang bertarikh 29 Januari 2010 untuk menyelesaikan kes-kes rasuah dalam masa satu tahun.</p> <p><b>Pembiayaan Politik (<i>Political Funding</i>)</b></p> <p>SPRM, Pertubuhan Pendaftar, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pilihanraya sedang dalam proses menyemak peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) untuk memasukkan peraturan yang dicadangkan.</p> <p><b>Akta Perlindungan Maklumat (<i>Whistle Blower Act</i>)</b></p> <p>Akta ini telah dikuatkuasakan pada 15 Disember 2010. Melalui Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), pemberi maklumat akan diberikan perlindungan dan jaminan bahawa identiti mereka sebagai pemberi maklumat tidak akan didedahkan dan mereka juga akan dilindungi daripada sebarang tindakan tatatertib oleh jabatan mereka.</p>

BIL.	PERKARA	PENJELASAN SPRM
		<p><b>Menguatkuasakan Hukuman Yang Lebih Tegas dan Berat</b></p> <p>Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses membuat pindaan terhadap Perintah Am yang berkenaan untuk meletakkan peruntukkan hukuman yang lebih tegas terhadap penjawat awam yang melakukan kesalahan yang melibatkan disiplin terutama sekali yang melibatkan kesalahan rasuah. Antara hukuman-hukuman yang dicadangkan adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Tahan Gaji</li> <li>ii) Gantung Kerja</li> <li>iii) Diberhentikan Kerja</li> </ul> <p><b>Penghargaan dan Pengiktirafan</b></p> <p>Bagi menggalakkan penjawat awam untuk tampil melaporkan sekiranya ditawarkan rasuah, satu skim penghargaan dan pengiktirafan kepada penjawat awam akan diperkenalkan. Sijil penghargaan dan pengiktirafan tersebut boleh diambil kira dalam proses kenaikan pangkat seseorang pegawai.</p> <p><b>Pangkalan Data Pesalah Rasuah</b></p> <p>Satu pangkalan data pesalah rasuah telah diwujudkan pada Mac 2010 di portal rasmi SPRM. Pangkalan data tersebut mengandungi maklumat serta gambar pesalah yang telah disabitkan kesalahan serta boleh diakses oleh orang ramai. Sehingga kini terdapat 369 rekod pesalah yang telah dipaparkan dan akan kekal di Pangkalan Data selama tiga (3) tahun.</p> <p><b>Penubuhan Mahkamah Khas Rasuah</b></p> <p>Makluman juga dibuat berkenaan penubuhan 14 buah Mahkamah Khas Rasuah yang telah berjaya ditubuhkan. Antara negeri-negeri berkenaan adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Sarawak (Kuching) dan Sabah (Kota Kinabalu).</p>